

02/01/2001

Punca 40 sungai tercemar teruk

Karim Sulaiman; Khairul Anwar Rahmat

SUNGAI mempunyai kaitan rapat dengan kehidupan manusia sejak zaman berzaman. Masyarakat dulu memilih kedudukan berhampiran sungai sebagai penempatan mereka. Begitu juga dengan penubuhan banyak negara dunia yang memilih kedudukan berhampiran sungai.

Di negara ini, beberapa kerajaan awal dibina sepanjang sumber sungai kerana kepentingan kejadian alam itu sebagai punca rezeki, makanan dan pengangkutan kepada penduduk sekitar.

Sungai dilihat sebagai sumber pelbagai guna, baik untuk keperluan harian, pengangkutan dan perdagangan.

Ekonomi kawasan yang terletak di kawasan berhampiran sungai berkembang lebih cepat berbanding kawasan yang jauh daripada sumber itu.

Manusia dulu menghargai air kerana fungsi pelbagai gunanya. Di situlah mereka mendapatkan bekalan air minuman, mandi serta membasuh pakaian dan pinggan mangkuk.

Masyarakat terdahulu tidak perlu bimbang untuk menggunakan air sungai walaupun untuk minum terus daripada sumber itu.

Bagaimanapun, keadaan sekarang jauh berubah. Air yang dirawat sekalipun belum tentu 100 peratus selamat diminum atau digunakan.

Perubahan zaman dan keperluan manusia serta pembangunan, menyebabkan banyak sungai di Malaysia tercemar.

Pencemaran itu bukan saja memberi kesan kepada flora dan fauna, malah kehidupan harian manusia.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, menyatakan satu pertiga daripada sungai utama di Malaysia, mengalami pencemaran teruk.

Dilaporkan 40 sungai di negara ini mengalami pencemaran teruk dan 29 daripadanya dalam keadaan kritikal, terutama di Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Di Malaysia, punca utama pencemaran sungai disebabkan kelodak kesan hakisan akibat kegiatan manusia, termasuk penerokaan hutan, sisa kumbahan seperti najis manusia dan binatang, sampah-sarap serta pelepasan sisa oleh industri seperti arsenik, kadmium, raksa dan plumbum.

Kajian Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 1998 dari 908 stesen pengawasan mutu air di 117 sungai terpilih seluruh negara mendapati 25 sungai di 10 negeri mengalami pencemaran teruk, iaitu jumlah tertinggi pencemaran sungai pernah dicatat di negara ini.

Daripada 25 sungai yang tercemar teruk, enam adalah di Johor, iaitu Sungai Air Baloi, Kempas, Danga, Rambah, Tukang Batu dan Sedili Kecil; empat di Pulau Pinang (Juru, Prai, Pulau Pinang dan Jejawi); tiga di Sarawak (Kemena, Niah dan Miri/Lutong), masing-masing dua di Perak (Raja Hitam/Manjong, Wangi); Pahang (Balok dan Cherating); Terengganu (Ibai dan Landas); dan masing-masing satu di Kedah (Merbok), Negeri Sembilan (Jimah/Lukut Besar) dan Melaka (Duyong).

Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Rosnani Ibarahim, dalam laporan itu berkata, kadar hujan yang merosot daripada 12,197.9 milimeter kepada 8,930.7 milimeter pada 1997 menyebabkan pengaliran air sungai terjejas lalu mengurangkan kemampuan mencairkan bahan pencemar.

Bagaimanapun, kemerosotan hujan bukan punca pencemaran sungai, sebaliknya sikap tidak bertanggungjawab masyarakat sendiri.

Menurut Laporan Kualiti Alam Sekitar 1998, 43 peratus sungai kita dicemari oleh nitrogen ammonia hasil penternak haiwan serta sisa

pembuangan domestik; hasil bahan buangan kerja tanah dan kegiatan melapangkan kawasan (34 peratus) serta permintaan oksigen biokimia disebabkan pembuangan industri berasaskan pertanian dan pembuatan (21 peratus).

Laporan Kualiti Kehidupan Rakyat Malaysia 1999 pula menunjukkan mutu air yang dihitung daripada kualiti air sungai mendapati kualitinya menurun daripada 55.8 peratus pada 1985 kepada 27.5 peratus pada 1998. Ini selari dengan penurunan peratusan sungai yang bersih.

Masalah pencemaran sungai turut mendapat perhatian Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan Kempen Cintailah Sungai Kita peringkat kebangsaan di Ampang Jajar, Kedah, November tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, mereka yang mengotori sungai adalah golongan yang tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan Tuhan.

Katanya, banyak sungai di negara ini tercemar kerana masyarakat tidak menghargai sungai sebagai pesaka dengan membuang sampah, termasuk bahan yang sukar hancur seperti plastik, ke dalam sungai.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku kerana akibat perbuatan tidak bertanggungjawab itu, kerajaan terpaksa mengeluarkan kos yang tinggi untuk membersihkan sungai.

"Sungai kotor kerana manusia tidak sayangkan pusaka yang dikurniakan.

"Keadaan dulu tidak teruk kerana barangan buangan boleh reput dan hancur tetapi sekarang ada barang buangan yang tidak boleh reput seperti plastik," katanya.

(END)